

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AKNAN EHTOOK**

**TARIKH : 19 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN NO. 07**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah yang diambil bagi menangani masalah pemandu lori yang positif dadah seperti kes pemandu lori yang membawa besi terbabas berdekatan terowong Menora pada 7/10/18. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian ke atas pemilik kenderaan berat atau majikan pemandu yang didapati memandu di bawah pengaruh bahan yang memabukkan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pemanduan di bawah pengaruh bahan yang memabukkan termasuk penyalahgunaan dadah boleh menyebabkan pemandu kenderaan berkenaan memandu dalam keadaan yang membahayakan keselamatan pengguna jalan raya yang lain. Tata Amalan Keselamatan Industri (Industrial Code of Practice, ICOP) SPAD menggariskan keperluan pengendali berlesen memeriksa serta memantau tahap kesihatan dan keadaan fizikal pemandu sebelum pemandu memulakan pemanduan.
2. Kegagalan pengendali untuk mematuhi keperluan di bawah ICOP Keselamatan SPAD, merupakan satu pelanggaran syarat lesen dan tindakan undang-undang atau tindakan pentadbiran boleh dikenakan terhadap pengendali yang tidak mematuhi keperluan yang disyaratkan.
3. Tindakan undang-undang yang boleh diambil ke atas pengendali adalah pengeluaran kompaun bagi kesalahan yang dilakukan atau kes didakwa di mahkamah. Manakala tindakan pentadbiran yang boleh diambil ke atas pengendali adalah seperti tindakan penggantungan permit kenderaan ataupun penggantungan lesen pengendali.
4. SPAD juga menjalankan audit pasca perlanggaran ICOP Keselamatan ke atas pengendali yang terlibat dalam kes perlanggaran maut. Mengambil contoh kemalangan maut berhampiran Terowong Menora pada 6 Oktober 2018 yang mengorbankan 5 nyawa, melalui audit pasca perlanggaran, SPAD telah mendapati bahawa pengendali telah gagal untuk mematuhi keperluan ICOP Keselamatan. Kegagalan pengendali telah menyebabkan kesemua permit kenderaan yang dilesenkan kepada pengendali digantung selama 14 hari bagi memberikan kesedaran kepada pengendali tentang kepentingan untuk memastikan keperluan yang disyaratkan di bawah ICOP Keselamatan dipatuhi.

SPAD juga telah menjalankan audit susulan dan pengendali tersebut didapati telah menunjukkan penambahbaikan atas pematuhan keperluan ICOP Keselamatan.

5. Sememangnya terdapat peruntukan-peruntukan dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 di bawah Seksyen 44 yang merujuk khusus kepada pemanduan di bawah pengaruh minuman yang memabukkan dan dadah dan Seksyen 45A yang merujuk kepada kepekatan alkohol yang melebihi daripada had yang ditetapkan.
6. Berdasarkan kepada Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987, selain Seksyen 44 dan 45A yang merujuk kepada kemalangan biasa dan kemalangan yang melibatkan kematian, di bawah Kaedah Kaedah Pengangkutan Jalan Mata Demerit (2017), memandu atau menjaga Kenderaan Motor dengan kepekatan alkohol melebihi paras yang dibenarkan dan memandu atau menjaga Kenderaan Motor di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah akan dikenakan sebanyak 10 mata demerit.

Sekian, terima kasih.